

Miliki aplikasi loteri haram dalam telefon bimbit, lelaki didenda RM800

MIRI: Gara-gara memiliki aplikasi loteri haram dalam telefon bimbit, seorang lelaki didenda RM800 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Abdul Jani setelah Gowlman Ding Jau, 48, dari Jalan Temenggong Oyong Lawai Jau di sini mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 9

(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan dihukum di bawah seksyen yang sama

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan pada jam 6 petang, 29 Disember lalu di tepi sebuah premis di Jalan Tanjung Batu 1C, Pujut Padang Kerbau di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana

disyaki terlibat dalam aktiviti loteri haram.

Hasil pemeriksaan mendapati tertuduh ada memiliki aplikasi loteri haram dalam telefon bimbitnya.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas serta dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Pendaftaran kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman; manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.